

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 MEI 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 19

### Kelantan miliki pengangkutan awam kelas dunia 4 tahun lagi

## Kelantan miliki pengangkutan awam kelas dunia 4 tahun lagi

**Kota Bharu:** Kira-kira empat tahun lagi, penduduk di Pantai Timur termasuk di Kelantan bakal memiliki pengangkutan awam berkelas dunia apabila Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dijangka siap pada Disember 2026.

Projek ECRL sepanjang 665 kilometer (km) merangkumi pembinaan di empat negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Selangor.

Pengurus Pembinaan Wilayah Malaysia Rail Link (MRL) Seksyen 1, 2 & 3 Wan Adnan Wan Mat, berkata ketika ini kerja pembinaan ECRL di Kelantan mencapai kemajuan infrastruktur 21.58 peratus setakat Mac Julu.

"Di Kelantan, jajaran ECRL babitkan 43.86km projek berjalan lancar mengikut jadual ditetapkan, kemajuan kerja infrastruktur sudah mencapai 21.58 peratus.

"Alhamdulillah, pelaksanaan projek ECRL di Kelantan mendapat kerjasama baik daripada kerajaan negeri serta agensi kerajaan lain yang banyak membantu kami," katanya pada temu bual eksklusif



Sebahagian projek ECRL yang sedang dilaksana di Kelantan.  
(Foto BERNAMA)

bersama BERNAMA dan RTM, baru-baru ini.

Wan Adnan berkata, di Kelantan kerja infrastruktur projek ECRL turut membabitkan pembinaan 26 jambatan iaitu 13 buah merentasi jalan raya manakala bakinya merentasi sungai.

"Di Kelantan reka bentuk projek ini serta laluan rel turut mengambil kira tahap *100-year flood*, sebagai contoh semasa banjir tahun lalu tidak ada kesan buruk kepada pelaksanaan projek di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, selain menyediakan pengangkuhan awam berkelas dunia,

ECRL turut menyediakan peluang pekerjaan menerusi 50 peratus tenaga kerja tempatan, sekali gus menghampiri sasaran 70 peratus yang ditetapkan.

Untuk rekod, Kelantan bakal mempunyai dua stesen ECRL iaitu stesen penumpang di Tunjong, Kota Bharu serta stesen penumpang dan kargo di Pasir Puteh.

Perkhidmatan ECRL yang dijangka beroperasi pada Januari 2027 boleh menampung 5.6 juta penumpang setiap tahun, manakala setiap perjalanan mampu memuatkan seramai 440 penumpang membabitkan enam gerabak. BERNAMA